

Malaysia-Indonesia tingkat kerjasama pendidikan

UM-25/4/2007

PUTRAJAYA 24 April - Malaysia dan Indonesia akan meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan dengan menawarkan program pertukaran pelajar berkonsepkan sekolah berkembar melibatkan sekolah yang pernah menjadi tempat para pemimpin-pemimpin tertinggi kedua-dua negara menimba ilmu.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, bagi melaksanakan program itu, Kementerian Pelajaran kedua-dua negara merancang untuk memilih bekas sekolah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sementara itu, Indonesia pula katanya, akan memilih bekas sekolah Presiden Susilo Bambang Yudhoyono dan Naib Presiden, Mohammed Yusuf Kalla bagi program berkenaan.

"Perincian berhubung sekolah yang akan terlibat dalam program berkembar itu akan diumumkan kemudian yang mana ia akan membatik

program pertukaran guru dan pelajar.

"Sekolah berkembar itu membatik sekolah yang pernah menjadi tempat para pemimpin kedua-dua negara belajar sebagai satu tanda simbolik kepada program pertukaran pelajar yang dilaksanakan bersama Indonesia," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan rakan sejawatnya dari Indonesia, Bambang Sudibyo di pejabatnya di sini hari ini.

Hishammuddin berkata, perbincangan dengan rakan sejawatnya itu banyak menyentuh tentang pelbagai isu pendidikan termasuk mengenai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan program pertukaran pelajar, guru dan pengetua serta kepimpinan di sekolah.

Sementara itu, Bambang berkata, kedua-dua negara perlu bekerjasama rapat dalam bidang pendidikan memandangkan terdapat banyak sistem yang diamalkan mempunyai persamaan.

"Kami percaya walaupun kita agak

ketinggalan dalam sesetengah bidang dalam pendidikan, kita boleh sama-sama berkongsi kepakaran bagi menambah baik sistem pendidikan kedua-dua negara.

"Langkah ini akan membantu mewujudkan satu entiti sosial budaya yang diingini oleh masyarakat ASEAN," katanya.

Beliau berkata, program sekolah berkembar membatik bekas sekolah para pemimpin tertinggi merupakan langkah permulaan yang dapat memperkukuhkan lagi hubungan baik antara kedua-dua negara.

"Kita sedang mengkaji bagi melaksanakan program pertukaran guru membatik bidang sastera dan ia akan dikembangkan kepada bidang Sains, Matematik dan bahasa pada masa akan datang," katanya.

Dalam perkembangan lain, Bam-



HISHAMMUDDIN

bang yang kini memegang jawatan Pengerusi Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara berkata, kepimpinan badan itu akan diambil alih oleh Hishammuddin tahun depan.

Selepas majlis tersebut Hishammuddin menerima kunjungan hormat Duta Besar China ke Malaysia, Cheng Yonghua bagi membincangkan isu-isu pendidikan

secara terperinci sempena lawatan beliau ke republik itu bulan depan.

"Kita ingin wujudkan suasana menangan-menang dengan China. Setakat ini kita belum lagi memuktamadkan secara terperinci tentang lawatan tersebut tetapi saya dijangka melawat beberapa sekolah terutama membatik sekolah khas seperti sekolah seni dan sekolah sukan," katanya.